



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 27 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	25 TAN DAGING SEJUK BEKU TAK PAMER LOGO HALAL DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO-12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	25 TAN DAGING LEMBU SEJUK BEKU DARI AUSTRALIA DIRAMPAS, MAHKAMAH & JENAYAH, SH-21	
3.	MAQIS RAMPAS 25 TAN DAGING SEJUK BEKU DARI AUSTRALIA, NASIONAL, BH-16	
4.	MAQIS RAMPAS 25 TAN DAGING SEJUK BEKU, LOKAL, HM-4	
5.	FAMA BELI TEMBIKAI PELADANG KONTRAK, NASIONAL, BH-21	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	FAMA BANTU PASARKAN TEMBIKAI, NEGARA, KOSMO-14	
7.	FAMA BELI SEMUA TEMBIKAI PELADANG KONTRAK, LOKAL, HM-22	
8.	PASAR TANI SEGAR FAMA TAWAR HARGA PATUT, KOMUNITI KITA, KOSMO-26	
10.	VCENDOL MAKIN DIKENALI, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH-19	LAIN -LAIN
11.	INOVASI CENDOL ON THE GO, LOKAL, HM-21	
12.	RISING DEMAND TO SPUR PENANG'S AGRICULTURE SECTOR, NEWS, THE STAR-3	
13.	PENANG'S AGRICULTURE SECTOR TO EXPERIENCE STABLE GROWTH, SUNBIZ, THE SUN-10	
14.	JUAL ARNAB TAMPUNG PERBELANJAAN KELUARGA, NEGARA, KOSMO-12	
15.	800 PESAWAH TERSEKSAN, RUGI BESAR, DALAM NEGERI, UM-31	
16.	PROJEK UDANG TERJEJAS PENDAPATAN NELAYAN, UM-ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

25 tan daging sejuk beku tak pamer logo halal dirampas

KLANG - Tindakan sebuah syarikat pembungkusan sejuk beku membawa masuk 25.2 tan daging lembu dari Australia tanpa mempamerkan logo halal mengundang padah apabila kesemua daging itu dirampas pihak berkuasa di Pelabuhan Barat di sini baru-baru ini.

Rampasan itu hasil rutin pemeriksaan yang dijalankan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor pukul 4.30 petang pada Isnin lalu.

Pengarahnya, Zamri Hashim berkata, hasil pemeriksaan mendapati, kesemua daging yang diletakkan di dalam sebuah kontena tidak mematuhi syarat permit import dikeluarkan Maqis termasuk gagal mempamerkan

logo halal pada kotak dagangan.

Katanya, semua daging sejuk beku itu telah berada di pelabuhan berkenaan sejak 4 Mei lalu.

"Hasil siasatan mendapati, ini merupakan kesalahan pertama yang dilakukan syarikat tersebut dan daging lembu sejuk beku itu adalah untuk pasaran tempatan.

"Nilai keseluruhan daging yang dirampas itu dianggarkan RM309,541," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Zamri, kes disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan sehingga enam tahun atau kedua-duanya," ujarnya.



DAGING lembu sejuk beku dari Australia yang dirampas Maqis Selangor di Pelabuhan Barat, Klang pada Isnin lalu.

25 tan daging lembu sejuk beku dari Australia dirampas

KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas lebih 25 tan daging lembu sejuk beku dalam sebuah kontena dari Australia, di Pelabuhan Klang Barat pada Isnin.

Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hashim berkata, hasil pemeriksaan yang dijalankan kira-kira jam 4.20 petang itu mendapati daging lembu sejuk beku itu tidak mematuhi syarat Permit Import dikeluarkan oleh Maqis.

"Pengimport yang membawa keseluruhan dagangan itu juga gagal mempamerkan logo halal di dalam kotak dagangan yang dikehendaki sepertimana yang dinyatakan dalam syarat Permit Import yang diluluskan.

"Semua daging lembu sejuk beku dianggarkan seberat 25,289.30 kilogram (kg) dan bernilai RM309,541.03 ditahan untuk tindakan lanjut,"

katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Katanya, kegagalan mematuhi syarat yang ditetapkan pada Permit Import Maqis merupakan satu kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2), akta yang sama.

"Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis sentiasa melakukan pemeriksaan di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar, serta mematuhi peraturan ditetapkan kerajaan," katanya.



Maqis merampas lebih 25 tan daging lembu sejuk beku dalam sebuah kontena dari Australia di Pelabuhan Klang Barat pada Isnin.

MAQIS rampas 25 tan daging sejuk beku dari Australia

Kontena ditahan di Pelabuhan Barat didapati tidak patuh syarat permit import

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Pelabuhan Klang: Daging lembu sejuk beku seberat 25 tan dari Australia dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di Pelabuhan Barat dekat sini pada Isnin lalu.

Pengarah MAQIS Selangor Zamri Hashim, berkata rampasan da-

ging yang bernilai RM309,541.03 itu dilakukan hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan pegawai penguat kuasa MAQIS terhadap se-buah kontena.

Hasil pemeriksaan pada jam 4.20 petang itu, didapati kontena yang membawa daging sejuk beku itu tidak mematuhi syarat Permit Import dikeluar-kan oleh MAQIS.


"Pengimport yang membawa keseluruhan dagangan itu jur-aga gagal memamer-kan logo halal di da-lam kotak dagangan yang dikehendaki dinyatakan dalam syarat Permit Import yang diluluskan.

"Justeru, semua daging sejuk

beku dianggarkan seberat 25,289.30 kilogram (kg) dan bernilai RM309,541.03 ditahan untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, kegagalan mematuhi syarat yang ditetapkan pada Permit Import MAQIS satu kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan, Kuaran- dan Pemerik-saan Malaysia 2011 yang boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2), Akta yang sama.

Jika disabit kesalah-an boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan se-lama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.



Kontena membawa daging lembu sejuk beku bernilai RM309,541.03 dari Australia ditahan menerusi pemeriksaan rutin penguat kuasa MAQIS di Pelabuhan Barat, Isnin lalu. (Foto ihsan MAQIS Selangor)

Maqis rampas 25 tan daging sejuk beku



Pelabuhan Klang: Sejumlah 25 tan daging lembu sejuk beku dari Australia dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Pelabuhan Barat, dekat sini, Isnin lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hashim berkata, penahanan daging bernilai RM309,541.03 itu dilakukan hasil pemeriksaan rutin dijalankan pegawai penguasa Maqis terhadap sebuah kontena.

Katanya, hasil pemeriksaan pada jam 4.20 petang itu, didapati kontena membawa



MAQIS merampas 25 tan daging lembu sejuk beku dari Australia menerusi satu pemeriksaan rutin di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang, Isnin lalu.

dagangan daging lembu sejuk beku itu tidak mematuhi syarat Permit Import dikeluarkan oleh Maqis.

"Pengimport yang membawa keseruan dan ganangan itu juga gagal

mempamerkan logo halal di dalam kotak dagangan yang dikehendaki seperti dinyatakan dalam syarat Permit Import yang dihuluskan.

Gagal pamer logo halal di dalam kotak dagangan yang dikehendaki

"Justeru, semua daging sejuk beku di-

anggarkan seberat 25,289.30 kilogram (kg) bernilai RM309,541.03 ditahan untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kegagalan mematuhi syarat ditetapkan pada Permit Import Maqis satu kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2), akta sama.

Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara kan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Maqis sentiasa meluluskan pemeriksaan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikro organisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar, serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan," katanya.

27.05.2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

21

FAMA beli tembikai peladang kontrak

Langkah bantu petani peroleh pendapatan, elak berlaku lambakan

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Setiu: Peserta ladang kontrak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memperoleh pendapatan lumayan hasil penjualan tembikai, termasuk sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beberapa peserta ladang kontrak terhabit mengaku walaupun pendapatan diperoleh tidak lumayan sebelum PKP dikuat-

kuasakan, tidak berlaku lambakan tembikai apabila FAMA membeli semua hasil berkenaan.

Peserta, Baharudin Ibrahim, 52, dari Kampung Rhu 10, di sini, memperoleh pendapatan bersih lebih RM2,800 selepas kira-kira 180 tan tembikai dibeli FAMA.

"Kami mula menanam tembikai di tanah pertanian berkelompok seluas empat hektar, pertengahan Mac lalu.

"Pada awalnya, timbul kebimbangan akan berlaku lambakan tembikai, tetapi selepas kami mendatangi kontrak sebagai peserta ladang, masalah pasaran seperti yang dialami pengusaha tembikai di beberapa negeri, selesai," katanya.

Suri rumah, Norzulali Hussin, 43, berkata dengan FAMA menawarkan harga belian tembikai terus dari ladang 80 sen seki-logram, peserta masih meraih keuntungan walaupun tidak seme-

FAMA membelanja RM727,716 untuk membeli 411 tan tembikai daripada usahawan ladang kontrak, setakat ini

Che Ghani Che Wan,
Pengarah FAMA Terengganu

wah musim lalu.

Tahun lalu, FAMA membeli tembikai diusahakan peserta ladang kontrak pada harga antara RM1.20 hingga RM1.50 sekilogram.

"Walaupun harga belian musim ini merosot, peserta masih memperoleh keuntungan selepas mengusahakan tanaman dalam tempoh dua bulan mulaiрте-



Che Ghani (kiri) bersama peserta ladang kontrak memunggang tembikai untuk digredkan di Kampung Rhu 10, Setiu, semalam.

(Foto Baharom Bakar/BH)

Katanya, 20 peratus tembikai diusahakan petani dibekal kepada pasaran tempatan, 10 peratus lagi membabitkan jualan secara langsung FAMA, manakala 70 peratus melalui agihan pemasaran di seluruh negara.

ngahan Mac lalu," katanya.

Sementara itu, Pengarah FAMA negeri, Che Ghani Che Wan, berkata pihaknya membelanjakan RM727,716 untuk membeli 411 tan tembikai daripada usahawan ladang kontrak, setakat ini.



CHE GHANI (kanan) memeriksa sebahagian tembikai yang dijual di sebuah ladang di Kampung Rhu 10, Setiu semalam.

FAMA bantu pasarkan tembikai

SETIU - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu membantu memasarkan tembikai yang diusahakan petani di seluruh negeri ini bagi mengelakkan masalah lambakan buah tersebut.

Pengarah FAMA Terengganu, Che Ghani Che Wan berkata, setakat ini, pihaknya telah membantu memasarkan 411 tan metrik tembikai keluaran tempatan menerusi program usahawan ladang kontrak sejak Mac lalu.

"Sebanyak 70 peratus bekalan tembikai dihantar untuk pasaran luar di seluruh negara, 20 peratus bagi pasaran tempatan, manaka-

ia 10 peratus lagi dijual sendiri oleh FAMA negeri.

"Inisiatif pemasaran tembikai dalam kalangan usahawan ladang kontrak dan petani kecil ini melibatkan urus niaga sebanyak RM727,716," katanya selepas menghadiri urusan pembelian melibatkan lima peserta ladang kontrak di Kampung Rhu 10 di sini semalam.

Che Ghani berkata, berdasarkan maklum balas pemarkasan, tembikai bergred A seberat melebihi lima kilogram masih mendapat permintaan tinggi.

Sementara itu, seorang pengusahanya tembikai, Baharudin

Ibrahim, 52, berkata, sebanyak 180 tan metrik tembikai keluaran ladangnya telah dipasarkan menerusi program usahawan ladang kontrak itu dengan keuntungan bersih lebih RM2,800.

"Saya akui pada mulanya amat risau jika tembikai yang diusahakan di tanah seluas empat hektar di Kampung Rhu 10 di sini sukar dipasarkan kerana kebetulan ia dimatang ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.

"Walaupun keuntungan yang diperoleh tidak lumayan seperti sebelum ini, sekurang-kurangnya saya tidak mengalami kerugian besar," ujarnya.

Fama beli semua tembikai peladang kontrak

Setiu: Peserta ladang kontrak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) memperoleh pendapatan lumayan hasil jualan tembikai termasuk sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beberapa peserta ladang kontrak mengakui walaupun pendapatan diperoleh tidak setamayan sebelum PKP dikuatkuasakan, tidak berlaku lambakan tembikai apabila Fama membeli semua hasil berkenaan.

Seorang peserta, Bahardin Ibrahim, 52, dari Kampung Rhu 10, di sini, memperoleh pendapatan bersih melebihi RM2,800 selepas kira-kira 180 tan metrik tembikai dibeli Fama.

"Kami mula menanam tembikai di tanah pertanian berkelompok seluas empat hektar mulai pertengahan Mac lalu.

"Pada mulanya timbul kebingungan akan berlaku lambakan tembikai, tetapi selepas kami menandatangani kontrak sebagai petani ladang, masalah pasaran seperti dialami ke atas pengusaha tembikai di be-



CHE Ghani (dua dari kiri) bersama peserta ladang kontrak memungkah tembikai untuk digredkan di Kampung Rhu 10, Setiu, semalam.

berapa negeri selesai," katanya.

Suri rumah, Norzulali Hussin, 43, berkata, walaupun Fama menawarkan harga belian tembikai terus dari ladang 80 sen sekilogram, peserta masih mendapat keuntungan walaupun ini merosot, peserta

masih memperoleh keuntungan selepas mengusahakan tanaman dalam tempoh dua bulan mulai pertengahan Mac lalu.

"Saya bersyukur apabila memperoleh keuntungan RM2,000 hasil jualan tembikai diusahakan," katanya.



DUA beradik, Nor Ain Subada, Subaini, 17, (kiri) dan abangnya, Muhamad Amzal, 16, membantu ibu mereka menjual tembikai untuk dijual kepada Fama.

Sementara itu, Pengarah Fama negeri, Che Ghani Wan berkata, setakat ini pihaknya membelanjakan RM777,716 untuk membeli 411 tan metrik tembikai daripada usahawan ladang kontrak.

Katanya, 20 peratus negara.



ISA (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Ammar selepas merasmikan Program Pasar Tani Segar Terkawal 2021 di pekarangan pelabot FAMA daerah Kuala Muda, Sungai Petani baru-baru ini.

Pasar tani segar FAMA tawar harga patut

PRIBATIN. Program Pasar Tani Segar Terkawal 2021 anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) daerah Kuala Muda berlangsung di Bakar Arang, Sungai Petani baru-baru ini.

Pegawai FAMA daerah itu,

Mohd. Fauzi Hashim berkata, melalui program tersebut, pengunjung boleh membeli barangan keperluan dapur dengan harga berpatutan.

Katanya, hampir 20 peniaga tempatan diberi peluang menjual pelbagai barangan

keperluan.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ammar Shaikh Mahmood Naim merasmikan program tersebut dan dihaciri oleh

Pengarah FAMA Kedah, Isa Harnzah dan Pegawai Daerah Kuala Muda, Abdullah Hashim.

WARNA-WARNI KEHIDUPAN

VCendol makin dikenali

Pelajar UMK rintis penjualan cendol dalam tin dan botol

Oleh SITI FATIHAH AWANG

KOTA BHARU

Sebelum ini peminat minuman cendol hanya boleh mendapatkan minuman penyejuk tekak itu di tepi jalan, namun kali ini ia telah dikomersialkan menjadi minuman tin sebagaimana minuman segar yang lain.

Pelajar Tahun Tiga Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Tuan Muhammad Muiz Tuan Nordin berkata, beliau mendapat idea untuk mengomersialkan cendol di dalam tin kerana mendapati belum ada mana-mana syarikat yang menjual cendol yang dibotolkan dalam pasaran.

"Hasilnya dengan idea dan kreativiti itu, kini VCendol sudah terjual lebih 1,000 botol sebulan. Bahkan menerima tempahan berkali ganda pada bulan Ramadan lalu.

"Adalah penting bagi seseorang usahawan memperbaiki kaedah pemasaran masing-masing dan hasilnya saya dapat menentengahkan produk baharu yang menggunakan elemen tradisional tetapi berdasarkan kepada inovasi dan penyelidikan," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Menurutnya, idea untuk menghasilkan VCendol itu inspirasi daripada produk Housboom iaitu sejenis produk minuman 'sparkling juice' oleh usahawan tempatan yang kini dipasarkan secara meluas di seluruh Malaysia.

Tuan Muhammad Muiz berkata, dia juga bercadang untuk memasarkan VCendol secara meluas dan dikomersialkan ke pasaran antarabangsa.

"Namun, konsep dan idea pada awalnya tidak semudah



yang dirancang kerana kaedah penyediaan agak rumit dan kurang sesuai untuk dinikmati secara konsep *on the go* atau *ready to drink*.

"Tambahan pula, minuman cendol memang diketahui mempunyai tempoh yang singkat dan tidak boleh bertahan dalam tempoh lama untuk simpanan stok," katanya.

Beliau berkata, selepas melakukan proses penyelidikan dan pembangunan (R&D), satu formula baharu ditemui untuk menghasilkan cendol segar yang tahan lebih lama tanpa menjejaskan rasa aslinya dan sedia diminum dalam tin.

"Untuk menghasilkan cendol yang berkualiti dan tahan lama, saya menggunakan santan sawit yang berkualiti tinggi, kaya vitamin, kurang kolesterol, kurang lemak dan lebih tahan lama berbanding santan kelapa biasa," katanya.

Walaupun baru setahun dalam pasaran, anak muda itu terus menginovasikan cara pembungkusan VCendol dari botol plastik biasa ke tin plastik

lut cahaya yang lebih bermutu tinggi, menjadikan ia minuman yang sedia diminum, dibotolkan menggunakan teknologi *hot filling* yang terjamin bersih dan tahan lama tanpa sebarang bahan pengawet.

Kini, minuman VCendol telah divariasikan kepada tiga perisa iaitu pandan, mangga dan strawberi yang dijual pada harga RM6.50 sebotol.

Tuan Muhammad Muiz berkata, usaha dan sokongan untuk menghasilkan produk tersebut adalah dengan bantuan keluarga dan mentor pembimbing, Dr Shamsuriana Sidek iaitu pensyarah di FKP.

UMK sendiri melalui Pusat Pembangunan Dan Pendidikan Keusahawanan (CEED) Institut Keusahawanan (UMKEI) juga banyak membantu khususnya tentang ilmu keusahawanan dan kemahiran menerusi penganjuran pelbagai kursus disamping menyediakan pelbagai insentif kepada usahawan pelajar.

Untuk pemasaran pada musim PKP ini, Tuan Muhammad

Muiz lebih banyak menggunakan platform pemasaran secara dalam talian di media sosial seperti Facebook dan juga Shopee.

Produk VCendol juga diedarkan secara *offline* oleh ejen-ejen di seluruh Malaysia, mini market dan pasar raya di Terengganu serta koperasi sekolah terpilih.

Lebih menarik, produk VCendol telah berjaya memenangi beberapa anugerah termasuklah Pingat Emas pada 11th Creation, Innovation, Technology & Research Exposition (CITREX 2021) anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) di bawah kategori Inovasi Produk *Premium Cendol in The Bottle*.

Sebelum ini, produk VCendol juga telah memenangi Pingat Emas dalam eCarnival Research & Innovation (eCRI 2020) anjuran Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Pingat Perak bagi Pertandingan Rekacipta (PEREKA 2020) anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Raya
dalam
Keberkatan

Produk VCendol diedarkan secara *offline* oleh ejen-ejen di seluruh Malaysia, mini market dan pasar raya di Terengganu serta koperasi sekolah terpilih.



Minuman VCendol divariasikan kepada tiga perisa iaitu pandan, mangga dan strawberi yang dijual pada harga RM6.50 sebotol.



Penyediaan cendol dilakukan dengan sangat teliti.



Salah satu proses yang dilakukan sebelum produk VCendol dijual di pasaran luar.

27.05.2021

HARIAN METRO

LOKAL

21

Oleh Nor Amalina Alias
an@hmetro.com.my

Back

Keterbatasan menikmati cendol yang biasanya diminum di gerai kaki lima atau kedai ketika musim Covid-19 menimbulkan idea buat penuntut Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menginovasi kan minuman itu di dalam tin.

Lebih menarik, inovasi itu membolehkan penggemar cendol menikmati yang sedia diminum di mana sahaja.

Ilham kreatif itu dibagikan Tuan Muhammad Muiz Tuan Nordin yang melihat belum ada pengusaha cendol memasarkan minuman kegemaran rakyat Malaysia itu di dalam botol atau tin.

Katanya, sehingga kini 1,000 tin cendol dinamakan VCendol itu berjaya dijual dengan permintaan berkali ganda pada Ramadan lalu.

"Pada awalnya bukan mudah seperti dirancang kerana kaedah penyediaan cendol dalam tin agak rumit sebab ia kurang sesuai di nikmati secara konsep *on the go*."

"Ini kerana cendol diketahui mempunyai tempoh hayat singkat dan tidak boleh disimpan lama kerana menggunakan santan," katanya.

Penuntut tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) itu berkata, hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) UMK, akhirnya menemui formula baharu bagi menghasilkan cendol segar yang tahan lebih lama tanpa men-

Inovasi cendol 'on the go'

Penuntut UMK hasilkan minuman dalam tin guna formula baharu agar tahan lama

foto: IHSAN UMKA



TUAN Muhammad Muiz menginovasikan minuman cendol dalam bentuk tin selepas pencuci mubt tradisional itu tidak dapat dinikmati di gerai atau kedai fizikal akibat Covid-19.

jejakkan rasa aslinya dan sedia diminum dalam tin.

Katanya, mereka menggunakan santan sawit bagi menggantikan santan kelapa untuk menghasilkan rasa cendol berkualiti tinggi, kaya vitamin, kurang kolesterol dan lemak serta tahan lama.

"Malah, gabungan santan sawit dengan bahan asas cendol seperti gula melaka, kacang merah bersama perutan ais menghasilkan rasa sama seperti menikmati

dan secara dalam talian.

"Dalam tempoh setahun Hasil inovasi bersama Pusingkatan dan Pendidikan Keusahawanan (CY-ED) Institut Keusahawanan

VCendol segar yang tahan lebih lama tanpa menjejaskan rasa aslinya dan sedia dinikmati dalam tin.

pada tin yang lebih bermutu tinggi, menggunakan teknologi *hot filling* dan divariskan kepada tiga perisa iaitu Pandan, Mangga dan Strawberi dan dijual RM6.50 setin," katanya.

UMKEI) itu berjaya membolehkan inovasi VCendol memenangi beberapa anugerah. Ia termasuk Pingat Emas di Pertandingan 11th *Creative Innovation, Technology and Research Exposition (CI-TREX 2021)* anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP), Pingat Emas di *eCarroll Research and Innovation (eCRU 2020)* anjuran UMK dan Pingat Perak bagi Pertandingan Rekajipta (PEREKA 2020) anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Hasil inovasi bersama Pusingkatan dan Pendidikan Keusahawanan (CY-ED) Institut Keusahawanan

Rising demand to spur Penang's agriculture sector

GEORGE TOWN: The agriculture sector in Penang is expected to experience stable growth due to increasing local demand, especially during the Covid-19 pandemic, albeit only making up 2.2% of the state's gross domestic product (GDP).

InvestPenang chief executive officer Datuk Loo Lee Lian said although the manufacturing and service sectors are currently the main engines of growth of Penang, contributing about 94.2%, the state government is still keen to expand the agriculture sector.

In fact, she said agrofood development is manned out as one of the strategic initiatives

under Vision Penang 2030, which looks to modernise and diversify the agriculture sector to increase yield and produce higher value products.

"It aims to position Penang as a high-tech Green Valley, aquaculture industrial zone, as well as a halal hub.

"The state government also intends to develop digital know-how to bridge the gap between raw skills and technology, as well as to enable investment for research and development (R&D), and talent development in the agriculture sector," she told *Bernama*.

Loo said the fisheries subsector in Penang

has played an important role and become one of the main contributors of marine aquaculture products in Malaysia, of which a large part is for the export market.

Penang's aquaculture sector recorded the third-highest production after Sabah and Perak, contributing more than 50% of Malaysia's revenue in the aquaculture sector.

"Penang has the potential to become a centre for fisheries and aquaculture R&D to produce high value-added fish and fish-based products, considering that research facilities and world-renowned research institutes are located here," she said. — *Bernama*

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

27.05.2021

THE SUN

SUNBIZ

10

Penang's agriculture sector to experience stable growth

GEORGE TOWN: The agriculture sector in Penang is expected to experience stable growth due to increasing local demand, especially during the Covid-19 pandemic, albeit only making up 2.2% of the state's gross domestic product (GDP).

InvestPenang CEO Datuk Loo Lee Lian said although the manufacturing and service sectors are currently the main engines of

growth of Penang, contributing about 94.2%, the state government is still keen to expand the agriculture sector.

Loo said the fisheries subsector in Penang has played an important role and become one of the main contributors of marine aquaculture products in Malaysia, of which a large part is for the export market.

In the crop production segment, she said

vegetable production is also facing an upward trend with output increasing 57.2% between 2009 and 2016.

Interestingly, Loo noted that organic production is one of the fastest growing segments in the state, indicating that this niche market opportunity could potentially generate higher revenue for the state and better income for farmers. - Bernama



HISHAMUDIN menunjukkan arnab peliharaan yang dijual menerusi jualan but kereta di hadapan Mahkamah Syariah Sendayan, Bandar Seri Sendayan, Seremban baru-baru ini.

Jual arnab tampung perbelanjaan keluarga

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

SEREMBAN – Bermula dengan minat memelihara arnab sebagai haiwan peliharaan, seorang bekas pekerja kilang menjadikan hobi itu sebagai sumber pendapatan bagi menampung perbelanjaan keluarga.

Hishamudin Hashim, 37, berkata, dia kini memiliki 40 ekor induk arnab di rumah keluarganya yang terletak di Bandar Seri Sendayan dekat sini.

“Saya berhenti kerja pada 2019 untuk fokus menjual haiwan peliharaan seperti arnab termasuk secara online. Bekalan diambil dari beberapa lokasi seperti Te-

merloh, Kuantan dan Ipoh selain daripada rakan-rakan yang turut memelihara arnab.

“Perniagaan ini tidak ramai pesaing dan mendapat sambutan baik pelanggan.

“Bagaimanapun, pendapatannya tidak menentu, kadangkala saya perlu bersedia menerima tawaran harga lebih rendah daripada pembeli,” katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Menurut Hishamudin, pada peringkat awal, dia hanya menjual haiwan peliharaan pada hujung minggu.

“Walaupun hanya untung sekadar RM10 hingga RM15, ia tetap berbaloi. Kebanyakan pelanggan saya menjaga haiwan peliharaan

mereka dengan baik.

“Perniagaan ini tetap ada cabarnya termasuk risiko haiwan mati. Saya pernah membeli arnab secara borong sebanyak 80 ekor, namun hampir 40 ekor daripadanya mati sebelum dapat dijual,” ujarnya.

Tambah Hishamudin, harga arnab peliharaan mampu mencecah RM350 seekor terutamanya bagi baka yang diminati.

“Untuk menarik pelanggan, saya turut menjual ayam, itik, burung dan angsa,” katanya yang menjadikan akaun Facebook, Sham Pinklady sebagai medium mempromosi perniagaannya selain berniaga secara jualan but kereta di Sendayan Metro Park.

27.05.2021

UTUSAN MALAYSIA

DALAM
NEGERI

31

800 pesawah terkesan, rugi besar

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

ARAU: Kira-kira 800 pesawah melibatkan kawasan 1,000 hektar dari kawasan Arau di sini buntu selepas masih tidak dapat mengusahakan tanaman padi bagi musim pertama tahun ini berikutan kebanyakan sawah masih tenggelam.

Mereka sepatutnya sudah boleh mengusahakan tanaman pada pertengahan April lalu, namun, setiap kali hujan lebat sejak kebelakangan ini, sawah mereka digenangi air sehingga paras pinggang dengan mernakan masa sekurang-kurangnya dua minggu untuk surut.

Masalah tersebut dikatakan berpunca daripada projek sekatan di Sungai Pengkalan Asam, Kangar yang menyebabkan beberapa sungai sekitar Arau terkesan sehingga berlaku limpahan air ke kawasan sawah setiap kali hujan lebat.

Pesawah dari Kampung Teluk, Salleh Chin, 59, ketika ditemui Utusan Malaysia berkata, kebanyakan pesawah masih tidak dapat mengusahakan tanaman kerana kawasan sawah masih digenangi air.



PARA pesawah menunjukkan anak padi yang rosak akibat kawasan sawah tenggelam di Arau, Perlis.
- UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

"Dahulu (sekatan masih tidak ada) setiap kali hujan lebat yang memakan masa dua atau tiga hari sahaja untuk surut, seka-

rang, lebih dua minggu sawah masih digenangi air," katanya yang mengusahakan tanaman padi sejak lebih 30 tahun.

Seorang lagi pesawah, Suktardi Matt Dali, 55, pula berkata, langka terbaik bagi menyelesaikan masalah padi tenggelam adalah



Kebanyakan pesawah masih tidak dapat mengusahakan tanaman kerana kawasan sawah masih digenangi air."

SALLEH CHIN

dengan membuang sepegunya sekatan di Pengkalan Asam itu.

"Saya lihat projek tersebut hanya menyebabkan petani teruk terkesan. Kami risau waktu menuai dijangka pada September ini, keadaan bertambah buruk kerana pada waktu musim hujan," katanya.

Seorang lagi pesawah, Charuk Prom Wicchip, 45, berkata, sejak kebelakangan ini, sudah tiga kali tanaman yang diusahakan di Alor Bana di sini tenggelam.

"Apabila berlaku hujan dua atau tiga jam, sawah tenggelam dan nak surut pula memakan masa yang lama," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27.05.2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	-

PROJEK UDANG JEJAS PENDAPATAN NELAYAN



LOKASI cadangan aktiviti akuakultur kolam udang di dalam hutan payau bakau laut di Kampung Sungai Betul Bawah, Tanjung Piandang, Kerian. – UTUSAN

IPOH: Kerajaan negeri digesa menghentikan aktiviti akuakultur kolam udang pesisir pantai berhampiran Kampung Sungai Betul Bawah, Tanjung Piandang di Kerian berkeluasan sekitar 200 ekar yang akan menjejaskan pendapatan nelayan.

Setiausaha Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Azrilnizam Omar berkata, pihaknya menerima aduan berhubung cadangan aktiviti akuakultur di dalam hutan payau bakau di atas tanah milik Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) di kawasan tersebut.

Menurutnya, kawasan berkenaan merupakan sebahagian daripada hutan payau bakau laut di pesisir pantai berhampiran Kampung Sungai Betul Bawah. "Projek ini akan menjejaskan mata pencarian komuniti nelayan pantai setempat yang terdiri daripada golongan B40. "Aktiviti akuakultur kolam udang di dalam kawasan tersebut bukan sahaja merosakkan hutan payau bakau laut malah memusnahkan kawasan pembiakan dan nurseri bagi hidupan laut seperti ikan, udang, ketam dan lain-lain," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, berdasarkan semakan pihaknya, Jaring, kawasan yang terletak berhampiran jeti nelayan itu tidak berada di dalam Zon Industri Akuakultur (ZIA) yang diwartakan oleh kerajaan negeri. Katanya, pelaksanaan aktiviti penternakan udang di kawasan itu juga di dapati bercanggah dengan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2035 di mana aktiviti akuakultur yang dibenarkan hanya melibatkan penternakan ikan dalam sangkar, ikan hiasan dan juga kerang.

Menurut Azrilnizam, pelepasan air sisa kolam ternakan tersebut ke laut dan sungai yang sering kali berlaku akan membunuh hidupan laut di kawasan tersebut dan menjejaskan hasil tangkapan serta kehidupan komuniti nelayan pantai.

"Jaring menggesa praktis yang memusnahkan ekosistem hutan payau bakau laut dan menjejaskan mata pencarian nelayan pantai ini dihentikan segera.

"Kehidupan dan pendapatan komuniti nelayan pantai di sekitar Kampung Sungai Betul Bawah sudah cukup terjejas dengan pencemaran daripada aktiviti kolam udang yang sedia ada dan aktiviti pencerobohan oleh bot-bot pukat Apollo ke Zon A yang berleluasa," katanya. Sementara itu, Azrilnizam meminta kerajaan negeri memberi perhatian terhadap isu pemilikan tanah oleh PPPNP di kawasan hutan payau bakau laut sekitar Perak di mana syarikat milik kerajaan (GLC) Perak ini dilihat seolah-olah bertindak sebagai broker.

"PPPNP seolah-olah bertindak sebagai broker dengan kelebihan sebagai sebuah perbadanan di bawah kerajaan negeri dengan memohon tanah di kawasan hutan payau bakau laut daripada kerajaan negeri dan kemudian disewakan kepada pengusaha-pengusaha kolam udang," katanya. – UTUSAN